

SAMBUTAN HARI KELUARGA

Pada 20 Ogos 2016 yang lalu, telah diadakan Hari Keluarga Kelab Perpustakaan UMP bagi memenuhi aktiviti di bawah Jawatankuasa Sukan dan Rekreasi. Kali ini Pantai Kempadang telah dipilih sebagai lokasi sambutan Hari Keluarga Kelab Perpustakaan UMP bersesuaian dengan aktiviti pantai yang telah diaturkan.

Objektif Hari Keluarga diadakan adalah mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan ahli kelab perpustakaan, menggalakkan aktiviti sukan dan meluangkan masa bersama-sama serta lebih mengenali antara satu sama lain

Aktiviti dimulakan dengan bacaan doa dan seterusnya ucapan serta tazkirah oleh penaung sebagai nasihat dan harapan untuk semua. Selain itu, sesi memanaskan badan, cabutan bertuah dan sukaneka turut diadakan. Permainan yang dianjurkan turut melibatkan ahli keluarga staf.



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2016

Setiap tahun, Perpustakaan UMP akan meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang dianjurkan oleh Kelab Perpustakaan UMP. Tema bagi tahun 2016, "Mensyukuri Nikmat" telah dipilih bagi menanam sifat bersyukur di kalangan ahli dan bersederhana dalam pelbagai aspek. Majlis telah diadakan di Sudut Bicara Ilmu, Perpustakaan UMP Pekan pada 22 Julai 2016 yang lalu.

"Sambutan yang sederhana namun meriah. Juadah-juadah yang disediakan pelbagai dan sedap-sedap belaka. Alhamdulillah kita masih berkesempatan menyambut Syawal dan semoga kite terus mensyukuri nikmat yang diberikan." (Puan Wan Rosnur Ima)

